

10/10/1997

Masyarakat perlu kikis tanggapan negatif menyelam skuba

KEPERCAYAAN negatif mengenai aktiviti menyelam skuba harus diketepikan jika sukan itu hendak dipromosikan sebagai aktiviti utama di negara ini.

Presiden Persatuan Sukan Menyelam Malaysia (MSDA) Mukhriz Mahathir berkata kebanyakan orang masih mempunyai tanggapan negatif seperti diserang ikan jerung atau mati disebabkan peralatan menyelam tidak berfungsi walaupun kejadian itu jarang sekali berlaku di negara ini.

"Masyarakat kita masih mempunyai tanggapan bahawa sukan itu membabitkan perbelanjaan yang tinggi," katanya selepas merasmikan Ekspo anjuran Persatuan Peralatan Menyelam dan Pemasaran (DEMA) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurutnya, sukan itu mampu disertai oleh semua orang oleh kerana kebanyakan peralatan yang perlu boleh disewa daripada pengusaha aktiviti menyelam skuba.

"Mungkin pada peringkat awal, ia mahal kerana perlu membeli peralatan asas," kata beliau sambil merujuk kepada jumlah yang perlu dibelanjakan iaitu RM600 hingga RM800 bagi peralatan dan pakaiannya.

Beliau berkata jumlah penyelam skuba di negara ini telah melebihi 25,000 orang tahun ini dan beliau menganggarkan jumlahnya akan meningkat dalam masa beberapa tahun akan datang.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang merasmikan acara itu berkata promosi aktiviti menyelam skuba harus membabitkan golongan remaja dan tua.

Beliau berkata setiap orang berhak menikmati keindahan kehidupan marin tanpa mengira umur selagi mereka sihat untuk menyertai aktiviti sukan itu.

Lebih 230 syarikat menyertai pameran empat harim itu anjuran bersama MSDA, Dema dan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia. - BERNAMA

(END)